

Menteri Pengajian Tinggi Tekankan Kepentingan Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi

Universiti-universiti di Malaysia termasuk Universiti Malaysia Sabah (UMS) memainkan peranan yang penting dalam melahirkan "towering personalities" sejajar dengan seruan Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Negara akan lebih maju dan kemajuannya seimbang dengan nilai-nilai murni yang diterapkan dalam Dasar Pendidikan Negara, kata Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Dato' Dr. Hj. Shafie Mohd. Salleh dalam syarahan umumnya yang bertajuk "Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi" di Dewan Kuliah Utama UMS, pada 1 Mac 2005.

Menurut beliau, "marketability" sesebuah universiti seiring dengan "marketability" pelajar-pelajarnya apabila mereka bergraduan kelak. Walaubagaimanapun, pembinaan pelajar bukan sahaja bertumpukan kepada kemajuan dalam "intelligent quotient" (IQ), tetapi juga kemajuan "emotional quotient" (EQ) dan "spiritual quotient" (SQ).

Sesebuah institusi pengajian tinggi juga boleh diantarabangsakan melalui program-program pertukaran staf akademik dan pelajar dengan negara-negara luar. Kerajaan sangat menggalakkan program-program sedemikian kerana ianya membolehkan pengimportan idea-idea dari negara-negara luar yang boleh digunakan untuk kemajuan negara.

Menyentuh senario pendidikan negara, Dato' Dr. Hj. Shafie berkata perbezaan jumlah pelajar lelaki dan perempuan di universiti-universiti tempatan amatlah ketara. Kata beliau, jumlah pelajar perempuan jauh mengatasi pelajar lelaki. Tetapi, beliau berkata senario ini ada penjelasannya, yakni pelajar-pelajar lelaki lebih berorientasikan kepada



BICARA MINDA... Dato' Dr. Hj. Shafie (berdiri) sedang berucap dalam syarahan umum tersebut sambil diperhatikan oleh Tan Sri Prof. Dr. Abu Hassan (duduk kiri)

kursus-kursus yang melibatkan kebolehan "psychomotor", iaitu koordinasi di antara minda dan anggota badan seperti tangan. Manakala perempuan pula umumnya lebih banyak menggunakan "cognitive abilities" mereka, iaitu kebolehan mencetuskan idea-idea abstrak untuk diimplemen- tasikan.

"Saya pernah menerima permohonan daripada universiti tertentu meminta peruntukan daripada Kementerian untuk menukar tandas lelaki kolej kediaman kepada tandas perempuan kerana peningkatan mendadak jumlah pelajar wanita," ujar beliau yang disambut dengan gelak-ketawa dari para hadirin.

Menteri tersebut juga berkata universiti-universiti boleh memasarkan nama mereka apabila mereka mencapai "branding" bertaraf antarabangsa, seperti Universiti Harvard di Amerika

Syarikat dan Universiti Cambridge di United Kingdom. "Branding" tersebut dapat dicapai jika pelajar-pelajarnya berusaha memperkasakan penguasaan bahasa asing terutamanya Bahasa Inggeris.

Selepas syarahan tersebut, Dato' Menteri telah diberi cenderamata kenangan oleh Naib Canselor pertama UMS Tan Sri Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Abu Hassan Othman, dengan disaksikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UMS Tan Sri Datuk Abdul Hamid Egeh dan Prof. Datuk Mohd Yusof Kasim, Pengarah Pusat Perhubungan Korporat dan Antarabangsa, yang menganjurkan syarahan itu.